

1. Sebuah kedai basikal mempunyai stok sebanyak 35 buah basikal. Jika kedai tersebut menjual 15 buah basikal pada bulan Januari. Hitung kebarangkalian menjual sebuah basikal pada bulan tersebut.

**Jawapan:**

Jumlah semua basikal = 35

Jumlah basikal yang dijual = \_\_\_\_

Kebarangkalian menjual sebuah basikal =  $\frac{\text{Jumlah basikal yang dijual}}{\text{Jumlah semua basikal}}$

= \_\_\_\_

= \_\_\_\_ (\*Permudahkan)

2. Jabatan Meteorologi meramalkan bahawa hujan akan turun di negeri pantai timur sekali bagi setiap tiga hari dari bulan November hingga Disember. Hitung kebarangkalian hujan turun dari bulan November hingga Disember. (*Andaikan setiap bulan ada 30 hari*)

**Jawapan:**

Jumlah hari = \_\_\_\_

Jumlah hari hujan akan turun = 20

Kebarangkalian hujan turun dari bulan November hingga Disember =  $\frac{\text{Jumlah hari hujan}}{\text{Jumlah hari}}$

= \_\_\_\_

= \_\_\_\_ (\*Permudahkan)

3. Sebuah pasar raya mengadakan cabutan bertuah sempena ulang tahun ke-10 selama seminggu. Pasar raya tersebut mengenakan syarat bahawa setiap pembelian bernilai RM50 layak menghantar satu penyertaan. Pasar raya tersebut merekodkan pemberian kupon penyertaan secara purata sebanyak 30 keping sehari selama seminggu. Danial, seorang peniaga gerai makanan, berbelanja sebanyak RM450 sepanjang tempoh pertandingan. Hitung kebarangkalian Danial memenangi cabutan bertuah tersebut. (*Andaikan seminggu ada 7 hari*)

**Jawapan :**

Jumlah kupon Danial = \_\_\_\_\_

Jumlah kupon =  $30 \times 7$

= 210

Kebarangkalian Danial memenangi cabutan bertuah =  $\frac{\text{Jumlah kupon Danial}}{\text{Jumlah kupon}}$

\_\_\_\_\_

= — (\*Permudahkan)